



Persidangan tahunan barisan hadapan industri halal Malaysia itu perkayakan lagi pengetahuan, input semasa dan jadi lebih kompeten



Oleh MUHAMAD TARMIZE MOHD NOR

PERSIDANGAN Kebangsaan Eksekutif Halal 2025 (PEH25) yang menghimpunkan pemain industri halal terutamanya eksekutif halal, kembali lagi pada tahun ini.

Sejak pertama kali dianjurkan Kolej Uniti Port Dickson dan Uniti Halal Centre (Uhc) pada tahun 2022, impak daripada persidangan itu semakin dirasai dalam kalangan pemain industri halal negara ini.

Persidangan yang menghimpunkan pemain industri halal, pihak berautoriti kerajaan, agensi persekutuan dan negeri, ahli akademik serta pihak industri berkaitan halal itu kini tampil dengan wajah yang dinamik setiap tahun.



AMIR HAMZAH

Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Uniti Port Dickson, Amir Hamzah Md Isa menjelaskan, objektif utama persidangan adalah untuk memperkasa dan meningkatkan kapasiti barisan hadapan industri halal negara yang bertanggungjawab memastikan standard halal dipatuhi di lapangan.

"Eksekutif halal merupakan individu yang bertanggungjawab mempertahankan pelaksanaan halal dalam industri.

"Melalui PEH25 ini, kita mahu memperkukuhkan ilmu, kemahiran dan jaringan mereka agar terus kompeten dan

berdaya saing di peringkat tempatan mahupun global," katanya ketika ditemui *Sinar Islam Plus*.

Fokus pembangunan bakat, perkongsian global

Tambah beliau, PEH25 berbeza dengan latihan yang disertai eksekutif halal secara rutin kerana persidangan ini menyediakan ruang pembelajaran terbuka yang memperkaya pengetahuan dan memperluaskan horizon jaringan peserta.


"Persidangan kali ini menampilkan pelbagai sesi interaktif seperti forum, soal jawab, perkongsian tokoh iaitu Mufti Wilayah Persekutuan, Ustaz Ahmad Fauwaz Fadzil dan ramai lagi tokoh industri halal Malaysia di dalam negara.

"Ada juga perkongsian daripada individu yang terlibat secara langsung dalam industri halal di luar negara dan beliau turut mengupas mengenai pelaksanaan konsep halal di negara bukan Islam," jelasnya.

Halal Edutourism antarabangsa

Menurut Amir Hamzah, satu inisiatif baharu yang bakal dilancarkan sempena PEH25 tahun ini ialah Halal Edutourism peringkat antarabangsa.

"Tahun lepas, kita melancarkan Halal



Edutourism dalam negara yang mendapat sambutan hangat daripada peserta PEH24.

"Kali ini kita mengorak langkah untuk membawakan Halal Edutourism ini ke peringkat antarabangsa pula seperti ke Jepun dan Korea Selatan dengan konsep sama.

"Ini bukan lawatan biasa. Peserta akan melihat secara dekat bagaimana mereka mempromosikan pelancongan halal, berbincang dengan pengamal industri dan memahami cabaran umat Islam minoriti. Ia pengalaman pendidikan yang unik dan membuka minda," katanya.

Menurutnya lagi, antara kelainan edisi kali ini mengenai topik kecerdasan buatan (AI) dan *blockchain* dalam industri halal.

Turut diadakan sesi Halalpreneur yang menampilkan usahawan tempatan yang berjaya membina empayar perniagaan berasaskan prinsip halal.

Meneruskan hujahnya, pertumbuhan industri halal global yang semakin pesat menjadikan keperluan terhadap tenaga kerja berkualiti semakin mendesak.

"Malaysia sendiri menyasarkan peningkatan nilai eksport halal setiap tahun, bukan sahaja bagi memenuhi permintaan Muslim, tetapi juga pengguna bukan Islam yang percaya kepada kualiti,

kebersihan dan keselamatan produk halal.

"Persidangan ini ibarat 'recharge' kepada eksekutif halal. Mereka bukan saja mendapat pendedahan baharu, tetapi juga rangkaian jaringan dengan pemain industri lain dan peluang membina kerjaya ke peringkat antarabangsa," katanya.

Sokongan kukuh daripada kerajaan, industri

Persidangan kali ini mendapat sokongan padu daripada pelbagai agensi kerajaan termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Standard Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, selain penyertaan panel akademik dan pemain industri berpengalaman, ujarinya.

"Pihak industri termasuk perbankan, perkilangan dan perkhidmatan halal juga tampil memberikan sumbangan dalam bentuk penajaan kewangan, barangan dan hadiah kepada peserta.

"Pada kali ini, kita amat menghargai sokongan strategik daripada Maybank yang melihat industri halal sebagai sektor penting negara dan tidak lupa media rasmi iaitu *Sinar Harian*. Gabungan kerajaan, industri dan akademik serta pihak media inilah yang menguatkan ekosistem halal Malaysia," jelasnya.

Pihaknya yakin, selepas dua hari persidangan, para peserta akan kembali ke tempat kerja dengan ilmu dan semangat baharu untuk memperkukuh sistem halal di syarikat masing-masing.

"Sebagai contoh, jika kita ada 300 peserta mewakili 200 syarikat, impaknya boleh dilihat apabila mereka membawa pulang pengetahuan, idea dan nilai baharu yang akan memperkukuh organisasi dan usaha ini menyumbang secara langsung kepada industri halal negara," katanya.

PEH25 diadakan pada 28 dan 29 Oktober 2025 di Bangi Avenue Convention Centre, Selangor dan maklumat lanjut mengenai ini boleh dilayari melalui <https://unitihalalcentre.com/>.



HALAL Edutourism dilancarkan sempena PEH24 tahun lalu.